

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DATIN EFFA RIZAN
PENYANYI VETERAN**

OLEH:

**MUHAMMAD ASHRAF BIN MOHD ROSLI 2022949721
MUHAMMAD FARRIS BIN KAMARSUPARIN 2022925833**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC – OGOS 2023)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T. terlebih dahulu kami memanjatkan kesyukuran terhadap Allah S.W.T kerana dengan iziNya kami dapat menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Walaupun terdapat pelbagai dugaan yang menimpa kami sepanjang proses menyiapkan projek ini, namun dengan pertolonganNya kami mampu mengatasi dugaan tersebut.

Jutaan terima kasih buat pensyarah kami, Madam Nurulannisa Binti Abdullah bagi subjek IMR604 Pendokumentasian Lisan atas tunjuk ajar beliau terhadap kami dalam menyiapkan projek ini. Kami mendoakan agar beliau sentiasa dalam lindungan dan rahmat yang Maha Esa.

Terima kasih juga kepada tokoh yang kami hormati, Datin Effa Rizan atas kesudian beliau untuk diwawancara oleh kami bagi projek kami. Terima kasih atas perkongsian ilmu di sepanjang wawancara tersebut. Kami juga mendoakan agar beliau sentiasa dalam lindungan dan rahmat yang Maha Esa.

Akhir kata, tidak lupa juga kami untuk berterima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami dan rakan-rakan atas sokongan mereka secara langsung mahupun secara tidak langsung bagi menyiapkan projek ini. Semoga kalian kekal dalam lindungan dan rahmat yang Maha Esa.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	I
ISI KANDUNGAN.....	II
ABSTRAK.....	III
ABSTRACT.....	IV
BIODATA TOKOH.....	1
Pengenalan.....	2
TRANSKRIP.....	4
LAMPIRAN.....	42
DIARI KAJIAN.....	52
SENARAI SOALAN.....	53
SURAT PERJANJIAN.....	61
LAMPIRAN.....	62
INDEKS.....	63

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara pelajar dan seorang tokoh berkenaan sejarah lisan berkaitan penyanyi veteran yang bergiat aktif pada tahun 70an. Penyanyi ini berasal dari Singapura dan telah menetap lama di Malaysia. Kajian yang dijalankan ini menceritakan serba sedikit mengenai latar belakang dan kehidupan beliau sebagai seorang penyanyi remaja. Beliau dikenali sebagai Effa Rizan dan nama sebenar beliau ialah Fauziah Buang yang sudah berusia 63 tahun.*

Tinjauan lisan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mendokumentasikan tentang latar belakang dan pengalaman tokoh serta sumbangan beliau sepanjang penglibatan beliau dalam bidang hiburan ini. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah secara bersemuka di sebuah café yang terletak di dalam Sunway Putra Mall, Kuala Lumpur. Soalan-soalan yang kami sediakan kepada tokoh ini telah dibahagikan mengikut bahagian supaya mudah untuk tokoh menjawab soalan-soalan tersebut. Untuk pengetahuan, mengikut pemerhatian kami, tidak ramai generasi muda mengenali artis veteran ini. Hal ini demikian kerana generasi muda kini lebih tertarik dengan artis-artis yang muda. Bagai serampang dua mata, temubual ini memberi peluang untuk kami mengenali artis veteran ini dengan lebih mendalam serta beliau juga dapat memperkenalkan diri beliau kepada generasi muda yang tidak mengenali beliau.

Kata kunci: *Artis veteran, 70an, industri muzik, penyanyi, penyanyi remaja*

ABSTRACT

Abstract: *This interview is between a student and a figure regarding the oral history of veteran singers who were active in the 70s. This singer is from Singapore and has lived in Malaysia for a long time. This study tells a little bit about his background and life as a teenage singer. She is known as Effa Rizan and her real name is Fauziah Buang who is 63 years old.*

The purpose of this oral survey is to document the background and experience of the figure as well as his contribution throughout his involvement in the field of entertainment. This study was conducted using the face-to-face method at a café located inside Sunway Putra Mall, Kuala Lumpur. The questions that we have prepared for this figure have been divided into sections so that it is easy for the figure to answer the questions. For information, according to our observation, not many of the young generation know this veteran artist. This is because the younger generation is now more interested in young artists. Like a double-edged sword, this interview gives us the opportunity to get to know this veteran artist more deeply and he can also introduce himself to the younger generation who don't know him.

Keywords: Veteran artist, 70s, music industry, singer, teenage singer

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	Fauziah Buang
Tahun Lahir	
Tempat Lahir	Singapura
No Telefon	

PENGENALAN

PENGENALAN

Dunia muzik pada era 70an amatlah berbeza dengan dunia muzik pada masa kini kerana ianya penuh dengan dugaan yang perlu ditempuh oleh penyanyi-penyanyi pada waktu tersebut. Antara sebab mengapa waktu tersebut sukar bagi penyanyi-penyanyi ini ialah proses ataupun teknologi yang digunakan tidak canggih dan tidak cekap dalam penghasilan sesebuah karya atau lagu. Dalam menghasilkan sesebuah karya, masa yang diperlukan amatlah lama jika dibandingkan dengan industri muzik sekarang yang berkembang seiring dengan kecanggihan teknologi. Disebabkan itulah penyanyi-penyanyi pada era tersebut dipandang tinggi dan dihargai oleh generasi kini kerana kesusahan yang mereka lalui di sepanjang kerjaya mereka sebagai seorang penyanyi amatlah sukar begitu juga dengan ilmu-ilmu serta bakat yang mereka miliki sangatlah bernilai di mata generasi pada masa kini. Aspek-aspek ini mampu membantu mendidik mereka yang ingin menjadi seorang penyanyi dan menyumbang kepada kemajuan industri muzik tanah air.

Bagi Datin Effa Rizan yang pernah melalui era tersebut, perkongsian daripada beliau mengenai kisah hidup beliau amatlah bermanfaat kerana dari sini kita dapat mengetahui apakah dugaan yang dihadapi oleh beliau ketika berada pada era tersebut. Pada era tersebut, beliau bermula sebagai seorang penyanyi ketika di bangku sekolah menengah sewaktu beliau berumur 13 tahun. Menurut beliau, bermulanya beliau menyanyi adalah melalui pelawaan kawan kakaknya yang meminta beliau untuk menyertai sebuah uji bakat nyanyian. Hendak mencuba nasib beliau, Effa Rizan lulus uji bakat tersebut dan persembahannya disiarkan dalam siaran televisyen RTM. Namun, karier beliau sebagai seorang penyanyi tidak kekal lama kerana selepas mendirikan rumah tangga dengan suaminya, beliau membuat keputusan untuk berhenti daripada dunia muzik bagi memberikan tumpuan terhadap rumah tangga beliau dengan suami serta dalam membesarkan anak-anak beliau. Menurut beliau, menggalas tanggungjawab sebagai seorang penyanyi dan juga seorang ibu amatlah sukar kerana beliau tidak mampu menyeimbangkan tanggungjawab tersebut. Itulah sebab mengapa beliau bersara dari dunia nyanyian. Demi memenuhi tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu kepada anak-anak, beliau sanggup mengorbankan kerjaya beliau yang ketika itu semakin berkembang.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

PENGENALAN: [RAKAM SEBELUM TEMUBUAL]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang artis veteran dalam bidang nyanyian. Bersama-sama kami ialah Datin Effa Rizan yang merupakan seorang penyanyi Malaysia yang bergiat aktif sekitar tahun era 70an. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 27 Mei 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 4 petang bertempat di Sunway Putra Mall. Temubual Datin ini dikendalikan oleh Muhammad Ashraf dan Muhammad Farris. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

DER: Datin Effa Rizan

MA: Muhammad Ashraf

MF: Muhammad Farris

BAHAGIAN A – LATAR BELAKANG TOKOH

MA : **Assalamualaikum Datin**

DER : Waalaikumussalam

MA : **Apa khabar?**

DER : Baik alhamdulillah. Adik baik?

MA & : Alhamdulillah

MF

DER : (Ketawa) ceria semuanya

MA : **Okay untuk soalan pertama, ia mengenai latar belakang tokoh. Apakah nama Datin?**

DER : Nama penuh? Nama sebenar ya...Fauziah. Jadi bila kita rakamkan album dulu-dulu, pada tahun itu terlalu ramai penyanyi yang bernama Fauziah. Kita ada Uji Rashid yang bernama Fauziah..banyaklah empat lima artis. Jadi tak nak kecoh pihak yang *mengoffer* [menawarkan] saya buat rakaman itu, penerbitlah ya syarikat rakaman... syarikat rakaman itu mohon pada saya minta kalau ditukar nama. Jadi jadilah nama Eiffa Rizan (sambil ketawa).

MA : Okay, soalan seterusnya apakah nama gelaran Datin dalam industri ini?

DER : Effa

MA : Bilakah Datin dilahirkan?

DER : Haaa cepumas ini. Soalan cepumas (ketawa) 1958. Haa sekarang umur saya berapa adik kira la. Lahir 1958 agak-agak umur berapa?

MF : 60. *sixty-three* [enam puluh tiga]

DER : 65 [enam puluh lima]. Haa 65 [enam puluh lima].

MA : Okay Datin berasal dari mana?

DER : Saya berasal dari Singapura. Haa, Singapura. Pada tahun 1977, saya berumah tangga dengan warga Malaysia. Penyanyi jugalah...Zailan Zainuddin. Sudah arwah.

MA : Datin merupakan anak yang ke berapa?

DER : Ketiga dari sembilan adik-beradik.

MA : Dari manakah ibu dan bapa Datin berasal?

DER : Semua dari *Singapore* [Singapura].

MA : Boleh Datin kongsiikan sedikit pengalaman Datin ketika membesar?

DER : Membesar...membesar masa sekolah ke? masa dah remaja ke? Masa remaja lah ya ke alam industri muzik ini. Sebenarnya saya bukan minat sangat untuk jadi artis lagi-lagi menyanyi. Yang menyanyi awalnya kakak saya. Kakak saya yang menyanyi. Saya tidak minat pun menyanyi tetapi tidak tahulah tiba-tiba itu kawan-kawan daripada kakak saya dia buat *offer* [tawaran] saya dia kata "boleh...awak boleh menyanyi tak?" Saya kata saya tidak boleh menyanyi saya tidak pernah menyanyi pun. Dia kata "boleh nak cuba?" Saya kata "boleh juga". Jadi daripada tahun 1974 masa itu rancangan tv[televisyen] bakat-bakat baru dekat *Singapore* [Singapura]. Jadi saya dibawa pergi *audition* [uji bakat], lulus. Lulus dan dia buat rancangan itu persembahan untuk bakat-bakat baru. Dari situ, bila saya keluar tv [televisyen] kebetulan penerbit saudara arwah almarhum Kassim Masdor, penggiat seni popularlah dekat *Singapore* [Singapura]. Pencipta lagu, pengarah lagu, dia menonton pada saat itu dan dia

offer [tawar] saya...dia call saya dia offerlah [tawarlah] untuk jadi artis rakaman bermula pada tahun itu 1975.

MA : Okay seterusnya, bilakah Datin berkahwin?

DER : Awal saya kahwin. 1977.

MA : Hasil daripada perkahwinan itu berapakah anak Datin?

DER : Empat..empat cahaya mata. Dua perempuan dan dua lelaki.

MA : Apakah hobi yang Datin gemar lakukan semasa waktu lapang?

DER : Memasak (sambil ketawa). Saya suka memasak dekat YouTube ada. Ada saya masak-masak, main-main dapur kan main kualiti (sambil ketawa)

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B – SEJARAH PENDIDIKAN

MA : Okay seterusnya, soalan berkaitan dengan sejarah pendidikan Datin. Boleh Datin kongsi serba sedikit mengenai pengalaman ketika bersekolah di sekolah rendah?

DER : Sekolah rendah...saya sekolah rendah di Sekolah Teluk Belanga. Selepas itu, saya sekolah menengah di Sekolah Menengah Sang Nila Utama di Singapura juga. Tapi yelah selepas saya berkecimpung dalam bidang seni itu awalkan...umur saya masa itu 15 tahun. Alam persekolahan kan.. jadi saya sekolah sampai ke situ *jelah* [sahajalah]. Sampai *six four* [enam empat]..apa orang sini cakap apa?

MA : *Form six*[tingkatan enam]?

DER : *Form four* [tingkatan empat]. Sana tidak ada *form five* [tingkatan lima] *form six* [tingkatan enam]. *A-Level, O-level* [Tahap Advanced, Tahap Ordinary].

MA : Selepas tamat persekolahan, adakah Datin ada mengikuti kursus-kursus professional?

DER : Dalam bidang?

MA : Bidang nyanyian

DER : Nyanyian (sambil ketawa). Ke situlah sebab itu saya sekolah pun sampai setakat *tu*

je [itu sahaja]. Saya ke bidang hiburan sebab saya *dioffer tu* [ditawar itu] masa *tu* [itu] umur saya 15 tahun. Kalau 15 tahun form *berapa* [berapa] dik?

MF : *Form three* [tingkatan tiga]

DER : Ye...jadi saya habis sampai setakat itu *jela* [sahaja]. Bila dah ke arah itu kan dah macam mula *tak nak* [tidak mahu].

MA : **Boleh Datin kongsi kan pelajar yang bagaimanakah ketika zaman belajar?**

DER : Macam mana itu?

MF : **Datin semasa belajar dahulu pelajar yang macam mana?**

DER : Sedang-sedang *jela gitu* [sahaja begitu]. Tiba-tiba minat saya beralih arah kan. Jadi pada saat itu saya pun tidak fokus pada sekolah jadi *tak dela* [tidak ada]. Saya masa *kat* [dekat] sekolah itu okay okay *jela* [sahaja] bukan pelajar cemerlang sangat ke apa. Biasa saja.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C – SEJARAH KERJAYA

C1 KERJAYA AWAL

MA : Sebelum Datin menjadi seorang penyanyi apakah kerjaya awal yang Datin ceburi?

DER : Tidak ada sebab bayangkan adik umur saya 15 tahun belum ada kerjaya belum ada apa masih di bangku sekolah. Jadi 15 tahun saya ditangkap (terlibat) masuk ke industri muzik itulah dunia saya.

TAMAT BAHAGIAN C1

BAHAGIAN C2 – KERJAYA SEBAGAI PENYANYI

MA : Dari mana teretusnya idea ataupun peluang untuk Datin menceburi bidang dalam bidang nyanyian?

DER : Macam mana?

MA : Idea-idea.

DER : Macam tadi yang saya cerita tadi tu kan...bidang terjun saja saya *dioffer* [ditawarkan] untuk masuk satu pertandingan bakat-bakat baru dan saya pergi *audition* [uji bakat] lulus, saya keluar *tv* [televisyen] dan dapat peluang merakamkan lagu. Itulah begitu cepat. Cepat sangat *tak* [tidak] sangka.

MA : Bagaimana respon ataupun penerimaan ahli-ahli keluarga Datin mengenai keputusan ini?

DER : Ini nak cerita, keluarga saya sebenarnya semuanya berdarah seni. Ayah saya dulu asalnya masa lapang dia ada *group* [kumpulan] muzik tidak silap saya masa zaman tu arwah Ahmad Jaiz yang penyanyi popular dulu dan Tan Sri P Ramlee juga masa awal-awal datang ke Singapura dia jadi salah seorang sahabat ayah saya. Ayah saya bermain *double bass* [dabal bes] tahu *double bass* [dabal bes]? Yang besar... gitar besar yang berdiri *tu* [itu] main..sekarang memang orang *tak* [tidak] nampak

kan *tak* [tidak] jumpa. Jadi tapi pada zaman dulu... zaman-zaman dahulu ya *tak* [tidak] sama sekarang zaman dahulu kalau keluarga kita *ni* [ini] keluarga besar kita *ni* *diorang* [mereka] *tak* [tidak] berapa beri anak-anak mereka bidang seni. Ini kita cerita pada zaman 50an la bukan 70an. 70an pada mata masyarakat dulu-dululah kalau artis *tu* [itu] macam dia kata macam *tulah tak* [itulah tidak] berapa itu. Jadi, ayah saya *tak* [tidak] diberi kalau *tak* [tidak] mungkin jadi pelakon *kot* [mungkin] pasal dia berkawan dengan Tan Sri P Ramlee semua kan. Jadi memang bakatnya *takda* [tidak adalah] sampailah dia fokus kerja. Jadi, pakcik saya pun pelakon. Tahu tak S Samsuddin pelawak cerita P. Ramlee. Itu pakcik saya sebelah ibu. Jadi kami ramai banyak darah seni.

MA : Okay Datin, siapakah individu yang memainkan peranan yang penting dalam membantu dalam bidang nyanyian?

DER : Haa, itu saya cakap tadi saudara Kassim Masdor, dah arwah dan penulis lirik saudara Yusnor Ef masih ada lagi semua di *Singapore* [Singapura]. Ini orang kuatlah yang menaikkan nama saya.

MA : Siapakah guru Datin dalam bidang nyanyian ini?

DER : *Takde* [Tidak ada] guru. Kita dulu-dulu jadi artis ke penyanyi *takde* [tidak ada] masuk kelas vokal ke kelas *ni takda* [ini tidak ada]. Dia bakat *tu* [itu] ada sendiri

mungkin bakat semula jadi kita kan *tak* [tidak] perlu nak pergi macam sekarang budak-budak pergi kelas vokal ataupun masuk kelas nyanyian. Dan sekarang *ni* [ini] pun kalau kebanyakan artis-artis baru *diorang* [mereka] buat rakaman dengan duit sendiri. Dia buat *single* [satu] kalau zaman dulu pada zaman saya tahun 70an, 80an, dan 90an juga semua kita *dioffer* [ditawar] oleh syarikat rakaman bertemu kita dia kata "ohh orang *ni* [ini] boleh menyanyi orang *ni* [ini] boleh menyanyi boleh bawa ini-ini". Jadi tengok bakat kita dah ada dah *tak* [tidak] sama. Jadi kita *takde* [tidak ada] guru-guru yang mengajar kita *takde* [tidak ada].

MA : Apakah cara Datin dalam memahami dan menghafal lirik lagu?

DER : Menghafal lirik lagu sendiri eh? Masa kalau dah lagu kita sendiri kan *every week* [setiap minggu] kita dengar ataupun kita pergi show *tak* [persembahan tidak] masalah. Tapi kalau sekarang kalau suruh menyanyi, masih lagi terima undangan kadang-kadang lagu *tu* [itu] sudah lama 40 tahun dulu orang masih *mintak* [minta] kadang-kadang lupa sikitlah kadang tajuk nama lagu pun kita lupa.

MA : Lagu apakah yang dinyanyikan oleh Datin di awal kerjaya sebagai penyanyi?

DER : Banyak...banyak lagu tapi lagu yang buat saya meletop *hit* [gempak] 'rasa hati' dan lagu raya 'lebaran'. Pernah dengar ke? Rasa hati dah dengar...baru-baru ini la sebab nak buat *ni* [ini] ya. Lebaran? "Selamat hari lebaran minal aidil wal faizin" Itu lagu

saya.

MA : Berapakah gaji pertama Datin sebagai penyanyi?

DER : Gaji? Tak ingat ya..lama sudah nak dekat 50 tahun tapi kalau dulu dulu baru *tu* [itu] kalau pergi *show* [persembahan]. Saya duduk di *Singapore* [Singapura] jadi *show* [persembahan] kebanyakan di Malaysia masuk-masuk kampung bayangkan tahun 70an masuk pergi Pahang, Kelantan, Terengganu, mana-mana *diorang* [mereka] buat *funfair* [pesta ria] dulu-dulu. Masuk ke dalam ceruk kita *enjoyla* [nikmatila] macam saya *life* [hidup] saya *kat Singapore* [dekat Singapura] bila dapat masuk Malaysia *tu* [itu] macam buat *show* [persembahan] saya rasa teruja. Masuk-masuk kampung saya suka. *Show* [Persembahan] dulu-dulu macam *funfair* [pesta ria] 500 bayangkan tahun 70an. 500 itu sekarang saya rasa sekarang ini berapa nilai dia 500 dulu. Kadang-kadang boleh dapat 1000, tengok *show* [persembahan] kalau *funfair* [pesta ria] setakat 500 kadang-kadang 700 memang kira besar *tu* [itu] dulu macam 5000, 6000, 7000. Nilai 500 dahulu. *Enjoyla* [Nikmatila] saya budak bila dapat duit macam itu macam mana nak sekolah (ketawa). Satu bulan berapa *show* [persembahan]. Satu *show* [persembahan] 500 memang lumayan pada saya kanak-kanak masa itu.

MA : Jika Datin masih ingat, apa yang Datin beli dengan gaji tersebut?

DER : Biasa sebahagian saya *kasi* [beri] pada ibu. Pada saya banyak sangat, ibulah pegang dan yang selebihnya untuk saya belanja *make up* [alat solekan], beli baju, belanja-belanja adik-adik, kawan-kawan. *Gitulah enjoylah* [begitulah nikmati]. Memang *best* [terbaik] sangat *best* [terbaik] (suka).

MA : **Okay, di bawah syarikat rakaman manakah Datin bernaung?**

DER : Senada. Se-nada Records di Singapura.

MA : **Di sepanjang kerjaya Datin, album manakah yang mengambil masa rakaman yang lama?**

DER : Bukan album. Album saya tidak ingat. Satu lagu saya ingat lagu itu memang menyeksa saya. Apa nama lagu itu (cuba ingat kembali). Dia lagu sedih lagu bercinta. Bayangkan saya budak umur 16 tahun yang tidak pernah patah hati bercinta, saya disuruh nyanyi lagu. 'Manis di bibir' (tiba-tiba ingat tajuk lagu). Nanti boleh cari. 'Manis di bibir' lagu dia itu memang lagu sedih orang putus cinta. Saya disuruh bawa masuk studio, memang makan hari juga saya sebab arwah Kassim Masdor yang mencipta muzik yang mengubah lagu. Dia kata *tak feel* [tidak rasa] sebab saya tidak pernah bercinta (ketawa) jadi itu pengalaman saya sampai saya menangis dulu-dulu ohh ya Allah. Dulu-dulu kita jadi penyanyi kan masa rakaman itu mereka memang...kita takutlah tengok pengarah ini kan mereka

memang betul-betul "*you nak* [kamu mahu] nyanyi, nyanyi betul-betul". Jadi kita disuruh ulang-ulang kita budak baru jadi sampai menangis (sambil ketawa) *nak* [mahu] ambil *feel* [rasa] lagu *tu so stop* [itu jadi berhenti] datang esok. *Last* [Akhir] sekali dia kata "okay, kita rakam lagu ni dalam studio tutup lampu" kata dia (sambil ketawa). "Jangan pasang lampu, dalam gelap cuba". Alhamdulillah bila tutup lampu saya boleh. Nanti adik dengarlah lagu itu 'Manis di bibir'. Itu memang sebenarnya saya selepas saya menangis betul (sambil ketawa). Menangis bukan menangis putus cinta, menangis kena marah (sambil ketawa).

MF : Rakaman *tu* [itu] yang ada dalam YouTube sekarang *tu* [itu] dalam gelap?

DER : Itu (mengangguk tanda setuju) sebenarnya lagu itu kalau adik dengar balik adik bayangkan apa yang saya cerita. Lagu sedih itu saya bukan sedih pasal putus cinta saya sedih sebab dimarah (sambil ketawa).

MA : Bagaimana perasaan Datin ketika nama dikenali ramai atau dalam kata lain popular?

DER : Rasa. Sebenarnya tidak ada rasa apa-apa sebenarnya tapi bila orang jumpa ataupun ada orang cakap "kau ni...". Saya rasa macam saya biasa sahaja tapi lama-kelamaan apabila kita keluar jadi perhatian. Jadi kita keluar saya rasa seronok (sambil ketawa). Ramai yang sayang kita sebenarnya. Bila kita jadi artis mungkin ramai

yang sayang kita.

MA : Siapakah penyanyi kegemaran Datin?

DER : Ramai (sambil ketawa) semualah kebanyakan saya boleh ingat saya minat pada lagu-lagu inilah kalau macam zaman dulu-dulu tentulah Tan Sri P Ramlee dengan Puan Sri Saloma dan memang kita tidak boleh nafikanlah masa itu. Penyanyi dekat Singapura, Kartina Dahari saya suka kelunakan suara dia. Dia bawa lagu-lagu keroncong. Ramailah Sharifah Aini memang ramailah sebenarnya saya suka.

MF : Penyanyi manakah yang Datin paling selesa bekerjasama?

DER : Penyanyi (sambil ketawa)..ramai saya *show* [persembahan] ramai, susah nak fikir. Semua selesalah.

MF : Okay (baiklah)...dalam banyak-banyak penyanyi, penyanyi manakah yang Datin ingin berduet jika diberi peluang?

DER : Ouh..kalau dulu-dulu ya? Masa saya belum berumah tangga. Saya kahwin dengan penyanyi juga kan. Dulu saya rasa nak berduet dengan Hail Amir (sambil ketawa)

sebab saya rapat dengan dia dulu bila saya habis *show* dekat Malaysia, dia akan bawa saya pergi makan di mana saya sampai digosip padahal kami tidak ada apa-apa pun. Macam abang dengan adik saya budak lagi masa itu. Dia baiklah dia layan saya jadi saya kata "saya teringin nak buat rakaman dengan dia Hail Amir" tetapi tidak boleh pasangan dia kan Uji Rashid (sambil ketawa).

MF : Pada pendapat Datin, sebagai seorang penyanyi adakah rupa paras merupakan faktor utama bagi seseorang itu diambil bekerja berbanding tahap kemahiran menyanyi?

DER : Susah juga tetapi kalau dulu-dulu la saya *notice* [perasan]. Syarikat rakaman dulu-dulu memang personaliti seseorang dia tengok juga dan suara. Tidak tahulah pada pandangan merekalah orang yang boleh menyanyi orang yang boleh tahan sampai bila-bila. *Diorang* [mereka] pakar tentang itu tetapi personaliti itu penting juga mungkin.

MF : Komposer manakah yang Datin paling suka bekerjasama?

DER : Saya satu sahaja komposer, itulah Kassim Masdor. Tapi saya suka juga Alman Mawar.

MF : Genre yang manakah sukar dinyanyikan oleh Datin?

DER : Saya dilahirkan untuk merakam lagu pada pandangan saudara Kassim Masdor, saya diberikan lagu-lagu yang macam remaja, rancak. Lagu-lagu rancak lagu saya dulu-dulu mula dengan saya memang sesuai dengan saya tetapi saya rasa saya minta juga lagu-lagu sentimental tetapi saya tidak boleh nyanyi lagu 'keroncong' (sambil ketawa). Keroncong memang saya cuba bawa. Asli saya pernah bawa sebab ayah saya dulu kalau zaman saya kecil-kecil dulu dia suka main gitar dekat rumah jadi saya nyanyi lagu-lagu asli. Tetapi saya tidak diberi lagu-lagu asli. Kata penerbit saya lebih sesuai dengan lagu-lagu remaja.

MF : Adakah sukar Datin meluangkan masa bersama keluarga selepas bergelar penyanyi?

DER : Saya menyanyi saya aktif semasa saya belum kahwin dalam 4 tahun. Lagu saya *hit* [gempak] saya dalam 4 tahun. Selepas saya kahwin, saya *stop* [berhenti] menyanyi. Saya tumpukan masa untuk anak-anak. Saya rasa saya tidak mampu buat dua kerja. Nak keluar menyanyi, selepas itu anak-anak lagi pada saya. Tetapi ramai juga kawan-kawan saya yang boleh. Mungkin mereka kuat tetapi pada saya, saya tidak kuat. Saya tumpukan terus pada anak-anak, bila anak-anak sudah meningkat, dah sekolah dah habis baru saya masuk balik selepas anak ketiga saya meninggal. Saya rasa kesepian, kacau, saya mula ikut arwah suami pergi *show* kalau ada saya ikut

dan saya balik semula menyanyi kalau tidak memang tumpu kepada anak-anak.

MF : Apakah perkara yang paling penting yang Datin pelajari tentang diri Datin melalui kerjaya ini?

DER : Macam mana? Kuat sedikit adik (sambil ketawa)

MF : Yang Datin pelajari tentang diri Datin melalui kerjaya ini? *Character* [perwatakan] diri Datin semasa kerjaya sebagai penyanyi. Apa yang Datin belajar daripada...

DER : Belajar ya?

MF : Ya.

DER : Okay. Saya ini dulu pemalu sebenarnya. Sebelum jadi penyanyi memang pemalu. Baru-baru jadi penyanyi pun pemalu tetapi apabila saya sudah bercampur sudah apa. Saya dapat belajar tengok-tengok kawan-kawan. Jadi saya banyak berjumpa orang. Boleh dikatakan setiap minggu 3 ke 4 kali saya keluar *show* [persembahan] dapat berjumpa orang dari pengalaman itu.

MF : Pada pendapat Datin, apakah tanggapan negatif orang ramai terhadap penyanyi?

DER : Banyak (sambil ketawa). Orang zaman-zaman saya sangka, saya tidak tahu zaman-zaman sekarang. Artis-artis 70an, kami sebenarnya kalau tidak ada *show* [persembahan] memang duduk dekat rumah. Berperap dekat rumah. Tidak ada keluar-keluar. Artis-artis dululah tahun 70an ataupun 60an mereka lebih banyak duduk rumah kalau tidak ada apa-apa *show* [persembahan]. Mereka tidak akan keluar-keluar macam artis-artis sekarang mungkin perbezaannya banyak. Sekarang perlu keluar dan zaman dah berubah. Kalau artis-artis dulu seboleh-bolehnya kita lebih banyak dekat rumah kalau kita tidak ada *show*. Kita tidak boleh ke sana ke sini. Sebab itu orang dulu-dulu cakap susah nak jumpa artis. Kalau zaman..cuba tanya emak-emak adik-adik mungkin neneklah mungkin. Susah nak jumpa artis kalau dekat luar. Kita mungkin di didik jangan terlalu *expose* [terdedah] macam itu (tersenyum). Dululah tahun 70an [tujuh puluhan] *something* [sesuatu].

MF : Tahun 70an [tujuh puluhan].

MF : Apakah impian Datin sebagai seorang penyanyi? Sekiranya Datin masih bergiat aktif.

DER : Sekarang masih aktif lagi (ketawa) bila dah *solo*[seorang] kan. Masa banyak sangat terluang bila anak-anak semua sudah berumah tangga. Tidak ada apa-apa impian eh? Impian rasanya tidak ada lagi dah bila umur dah (senyum). Ini pun *bonus* [ganjaran] Allah bagi umur kita panjang kesihatan *bonus*. Impian saya dulu-dulu saya nak anak-anak saya berjaya dalam pelajaran sebab saya separuh jalan (senyum). Jadi saya taknak tidak mahu itu sebab saya tidak keluar kerja lain. Saya

tumpukan masa 24 jam dengan anak. Jadi *supir* [pemandu] di sekolah, tuisyen, mengaji (senyum) begitu. Sampai akhir, sampai empat anak. Impian saya dulu lebih kepada keluarga melihat anak-anak saya berjaya. Kalau sekarang ini saya suka-suka *jelah fun-fun* [sahajalah seronok-seronok] sahaja berjumpa kawan.

MF : Menikmati hiduplah (senyum).

DER : Ya, menikmati hidup. Pasal saya kahwin awal. Bayangkan umur saya 18 tahun nak masuk 19 tahun saya kahwin, dunia remaja saya dulu baru nak masuk saya ditangkap sebagai penyanyi rakaman artis. Jadi saya tidak dapat bergaul dengan kawan-kawan. Baru nak kawan dengan artis-artis, saya kahwin. Jadi saya tidak ada *life* [hidup] saya sebagai remaja. Saya tidak dapat. Jadi bila sibuk dengan anak, buat apa-apa...bukan saya kesal. Memang itu tujuan saya bila dah kahwin. Sekarang ini saya cubalah apa yang saya tidak dapat dulu saya buat (senyum). Jumpa kawan-kawan, ini banyak keluar dengan kawan-kawan.

TAMAT BAHAGIAN C2

BAHAGIAN C3 – BIDANG NYANYIAN

MF : Sebagai seorang penyanyi veteran, bolehkah Datin kongsi sedikit tips dalam nyanyian?

DER : Kongsi? Nak kongsi macam mana itu (ketawa). Nak jadi penyanyi ke? (ketawa)

MF : Mungkin (senyum)

DER : Berkongsi tips ini, berkongsi untuk apa?

MF : Macam ada *certain* [sesetengah] artis kena jaga suara.

DER : Tiadalah.

MF : Pantang larang ke.

DER : Tidak ada jaga semua makan bedal saja.

MF : Tiada ya.

DER : Tiada. Itu saya cakap semua anugerah kan. Sebenarnya, bakat seseorang ada orang itu boleh berlakon tidak payah pun dia masuk kelas lakonan. Orang dulu-dululah ini. Tapi dia berlakon hebat kan. Macam kami pun dulu-dulu penyanyi tidak ada masuk kelas-kelas vokal tapi bakat, anugerah itu. Anugerah seseorang. Tidak ada pun jaga-jaga apa makan je semua (ketawa).

MF : Dari segi penghayatan lirik, bagaimanakah cara Datin menghayati nyanyian tersebut?

DER : Nyanyian. Kan saya cakap takdi lagu-lagu saya semua lagu-lagu remaja. *Happy-happy jelah [gembira-gembira sahajalah]* cuma satu itulah lagu yang bercinta itu.

MA : *'Manis Di Bibir'*.

DER : Nak *feel* betul-betul itu memang susah. Kan dulu-dulu, komposer diaorang cerewet memang dengar betul-betul. Kita dulu buat rakaman bukan macam sekarang. Dulu rakaman, kita menyanyi dengan yang sudah disediakan. Kita masuk suara mungkin gitar dengan piano. So, bayangkan kita nak menghayati lagu itu. Kita tidak ada muzik yang *full* [penuh]. Belum. Dia masuk satu-satu. Bila vokal kita dah masuk, baru dia masukkan drum, saxophone kalau ada. Jadi kalau sekarang saya rasa memang untung. Kebanyakan buat rakaman muzik dah siap semua. Jadi kita dapat main-main tapi dulu tidak. Itu perlunya dulu-dulu diaorang cari vokal yang boleh betul-betul menyanyi. Beza sangat tidak sama.

MF : Adakah dengan bernyanyi di hadapan cermin merupakan salah satu teknik dalam meningkatkan kemahiran nyanyian seseorang penyanyi itu?

DER : Saya tidak (ketawa). Ikut arus sahajalah.

MF : Ikut arus. *Follow the flow [Ikut arus]*.

DER : Tidak ada. Sekarang nak jadi penyanyi payah kan?

MF : Payah

DER : Kena ada menari untuk buat satu *show*[persembahan]. Kalau dulu-dulu tidak ada. Beza dulu dengan sekarang.

MF : Apakah aspek yang ditekankan oleh seorang komposer dalam nyanyian seseorang penyanyi?

DER : Menilai?

MF : Aspek yang ditekankan oleh komposer dalam sebuah nyanyian.

DER : Sebuah nyanyian?

MF : Ya, secara *general* [umum] nya.

DER : Kena tanya mereka (ketawa)

MF : Kalau pendapat Datin?

DER : Agak cerewetla diaorang. Kita dimarah kalau tidak dapat bukan marah seperti cikgu marah kita tetapi muka dia itu kan. Tengok dia marah sampai kita boleh nangis. Dulu-dululah tidak ada bertepuk tampar begitu. Macam zaman persekolahan dulu dengan sekarang pun tidak sama. Dulu kita nampak cikgu kita takut. Jumpa cikgu dekat luar macam ini (menunjuk ke arah luar kafe) takutlah mungkin satu penghormatan pada guru. Sekarang anak-anak kita, anak-anak saya “hi cikgu!!”.

Memang berbeza dulu dengan sekarang. Perbezaan dia banyak sangat. Disiplin dulu-dulu lain kan.

MF : Bagaimana Datin kekal bertenaga semasa di studio rakaman?

DER : Dulu-dulu?

MF : Dulu-dulu.

DER : Kekal bertenaga. Tidak ada pantang larang sebenarnya kita dulu-dulu. Nak masuk rakaman macam biasa. Okay, esok ada rakaman kita makan sarapan dulu baru pergi. Tidak ada apa-apa nak puasa ke tidak.

MF : Bagaimanakah Datin menangani kritikan?

DER : Keringat?

MF : Kritikan.

DER : Kritikan (ketawa). Baru-baru itu terduduk juga la. Kita belum faham kan bila kritik macam arghhh. Kita rasa macam itu la dulu-dulu. Tetapi lama-kelamaan kita diberi sokongan daripada syarikat rakaman kita. Dia sudah didik kita. Ini akan berlaku. *So* [Jadi], ambik mudah sahajalah tetapi dalam hati itu tergores juga kan kalau kena kritik lagi-lagi gossip kan. Kritik tidak apa juga kadang-kadang kritik itu

membangun. Kita tidak tahu. Tetapi gosip artis-artis dulu kan yang merepek-repek itulah.

MF : Apakah cara Datin untuk menolak sesuatu tawaran persembahan tanpa menyinggung hati pihak yang menawar?

DER : Macam mana itu? Biasanya kalau orang minta kita *show* [persembahan] yang berbayar?

MF : Berbayar.

DER : Kalau kita ada *show* [persembahan] lain, cakap sahaja kita ada *show* [persembahan] lain tidak boleh. Orang faham tetapi sebenarnya artis-artis kebanyakan banyak buat yang *chariety* [amal jariah] juga cuma tidak dihebohkan zaman dulu kan orang panggil kita tetapi tidak ada bayaran kita ambil juga.

DER : Saya minum dulu ya

MF : Boleh sila-sila.

DER : Bismillah

MF : Dalam menerima sesuatu tawaran menyanyi, apakah syarat-syarat yang ditetapkan kepada pihak yang menawar?

DER : Apa itu?

MF : Dalam menerima sesuatu tawaran menyanyi, apakah syarat-syarat yang ditetapkan oleh Datin kepada pihak yang memberi tawaran?

DER : Yang penting tempat tinggal kalau *show* jauh. Maknanya saya dekat *Singapore* so saya dekat Malaysia maknanya kena duduk. Lagi satu saya kena bawa pengiring sebab saya *underage* [bawah umur] (ketawa) budak lagi. Dan tempat tinggal seperti hotel kalau boleh yang selesa dan tiket kapal terbang ataupun perjalanan kereta semua mereka sediakanlah. Kita tahu sekian-sekian dia hantar tiket ke dulu-dulu bukan macam sekarang *online* [atas talian]. Kena pergi ambil ataupun dia *post* kalau *show* dekat Pineng [Pulau Pinang] dia sudah beli tiket dekat Pineng [Pulau Pinang] dia akan *post* [hantar] kita. Berbeza tiga hari baru sampai. Dua hari *express* [cepat]. Itulah benda-benda itu yang biasalah sebelum *show* itu dia nak kita mas kahwin [emas kahwin] kena bayar dulu (ketawa) deposit. Begitulah.

MF : Bagaimana Datin mencipta gandingan dan persefahaman antara pihak rakaman?

DER : Macam mana itu?

MF : Macam bagaimana Datin mencipta persefahaman antara pihak rakaman?

DER : Persefahaman. Okay sahaja tidak ada apa-apa cuma kita di *offer* bila dah buat janji sekian-sekian bayaran dia, apa royalti, *so* kita bekerjasama tidak ada apa-apa masalah. Tidak adalah nak tekan sangat. Masa itu yang berurusan pun bukan saya tetapi ayah saya. Nak *sign* [tandatangan] kontrak apa semua ayah saya. Saya masa itu belum 18 [lapan belas]. Jadi apa urusan ayah yang *meeting* [berjumpa] dengan penerbit.

MF : Persediaan bagaimanakah yang Datin lakukan ketika menghadapi uji bakat bagi mendapatkan sesebuah nyanyian?

DER : Uji bakat. Saya hentam sahaja tidak tahu apa. Cuma kawan kakak saya kata siapkan 4 lagu. Saya memang tidak pernah pun menyanyi kakak masa zaman dulu-dulu itu menyanyi dekat rumah orang kahwin saya tengok sahaja. Saya tidak pernah pun sekali tetapi tidak tahulah boleh berani pula. Siapkan lagu sahaja kata dia. Saya pun pilihlah 4 lagu yang saya selalu menyanyi.

MF : Sebagai seorang penyanyi, apa yang perlu ada di dalam diri untuk terus relevan di mata penonton dan pihak komposer?

DER : Bukan untuk orang ramai? Untuk penerbit sahaja ke?

MF : Dua-dua pihak di mata penonton dan pihak komposer.

DER : Komposer itu dia yang jaga kita. Zaman dulu bukan kita bekerja. Dia yang dapat kita dia yang jaga kita. Kadang-kadang dia yang jaga kita, asah bakat kita yang ada Macam untuk bertahan lama di mata penonton kenalah jaga personaliti kita. Kalau dulu-dulu di didik. Jaga personaliti salah satu saya cakap jangan keluar selalu. Kemas tutur bercakap, jangan sombong itu sahajalah. Yang penting jangan sombong (ketawa).

MF : Sebagai peyanyi, bagaimana Datin menjaga diri daripada khabar angin yang tidak benar?

DER : Abaikan sahajalah (ketawa). Tidak benar tetap tidak benar. Abaikan sahaja, senyum sahajalah Senyum itu lebih baik daripada berkata-kata.

MF : Bagaimana Datin menjaga hubungan dengan rakan-rakan artis yang lain?

DER : Kami masih akrab artis-artis 70an ini. Sampai sekarang macam saya paling lama dekat Malaysia dengan Rohana Jalil. Dan kalau dekat *Singapore* [Singapura], Rahimah Rahim, Julie Remie, Milah Hussain masih jumpa lagi. Kami masih lagi akrab. Kalau macam saya balik *Singapore* [Singapura] saya akan jumpa mereka. Yang dekat sini pun kita kadang-kadang keluar sekali makan. Masih baik. Yang

artis-artis baru ini pun setakat tahun 80an, 90an kita masih berhubung.

MF : Dalam menjayakan sesebuah rakaman, adakah keadaan persekitaran yang selesa memainkan peranan yang penting?

DER Rakaman?

MF : Ya

DER : Rakaman dia memang dah masuk sebiji masuk dalam gua. Sejuk dia gila tidak ada macam ini (menunjuk ke sekeliling). Dalam satu- kita dah seorang dalam bilik komposer dekat luar itu cermin. Memang dalam gua itu (ketawa).

MF : Pada pendapat Datin, apakah faktor utama yang mempengaruhi prestasi penyanyi ketika di studio rakaman?

DER : Tidak ada apa-apa. Tenangkan diri berselawat banyak-banyak (ketawa). Pada saya la, sebab saya budak dulu masih manja sangatlah. Jadi saya tidak tahu benda itu semua macam *fun-fun* [seronok] sahajalah. Tidak apa-apa *fun* [seronok] sahaja.

MF : Di sepanjang kerjaya Datin yang berdekad ini, berapakah anugerah dan pencapaian yang telah Datin perolehi?

DER : Anugerah. Anugerah tidak adalah. Tidak adalah sampai ke saya masuk bertanding macam pertandingan sekarang ini. Bintang RTM [Radio Televisyen Malaysia] kalau masuk pun sebelum jadi artis lagi. Saya tidak ada anugerah apa-apa. Anugerah suami saya dapat datuk saya dapat datin (ketawa). Itu ada. Itulah anugerah terbesar saya (ketawa).

TAMAT BAHAGIAN C3

BAHAGIAN E – KERJAYA SEBAGAI YOUTUBER MASAKAN

MF : Datin sekarang sedang aktif berkongsi video masakan di platform Youtube. Bilakah Datin mula berjinak dengan aktiviti ini?

DER : Selepas suami saya meninggal. Tahun 2019. Arwah meninggal, *so* masa itu anak lelaki saya dia tengok saya mungkin berkurung dekat rumah. Jadi dia kata “*mummy*, buat YouTube nak?” kata dia. “*Mummy* buat ini”, dia tunjuklah. Anak saya mungkin dia suka tengok-tengok itu saya tidak pernah buka benda-benda ini. “*Mummy* jomlah *mummy*”. Saya kata saya tidak mahu saya malu saya cakap dekat dia. Sebab *Mummy* suka masak katanya. Okaylah saya buat satu dua. Selepas itu saya cakap seram betul dia ini. Saya tidak mahu saya *stop* [berhenti]. Jadi bila negara kita dilanda wabak Covid pada 2020. 2020 ya? Bulan tiga. Kita dikurung. Daripada situ kawan-kawan saya cakaplah “Kak Effa, daripada duduk dekat rumah itu tidak boleh keluar masak-masaklah”, kata dia buat video. *Start* [Bermula] dari situ saya mula buat sampailah sekarang ini.

MF : Siapakah yang menyunting video-video di platform tersebut?

DER : Anak saya (ketawa). Saya tidak tahu. Saya tahu masak tetapi rakam saya sendiri sebab anak saya kerja. Saya dah rakam sendiri saya seorang macam orang tidak

betul dengan kamera itu. Nanti dah siap saya *kasi* [beri] dialah nanti dia *edit* [sunting].

MF : Dari siapakah Datin belajar memasak?

DER : Belajar memasak dari emaklah. Kahwin awal 19, 20 dapat anak, tidak tahu masak. *Call* dari KL ke *Singapore*. Nak masak sahaja *call* [hubung]. Tapi biasalah dulu-dulu saya kanak-kanak saya memang suka sibuk-sibuk dekat dapur. Memang *kepo* [rasa ingin tahu] tahulah macam mana cara dia. Mungkin mak saya pun suka masak-masak jadi saya terbawalah.

MF : Bercakap mengenai memasak, masakan manakah yang paling mencabar pernah Datin sediakan?

DER : Mencabar? Tidak ada. Sebab saya suka memasak macam beriani, sambal goreng, macam-macam. Arab-arab ini memang saya suka cuba. Pada saya bukan mencabar tetapi satu cabaran bila kita dapat buat itu kita rasa *wow* tengok anak-anak makan suami makan dia kata sedap. Macam suami saya suka makan juga dulu macam kacang bubur, kuih rebus, kuih-muih dulu-dulu masa zaman ada arwah suami memang jarang beli. Dia nak saya buat. Cerewet kan (ketawa). Jadi saya kena buat masa itu dulu-dulu tanah ubi, segala pengat-pengat, puteri salak kalau orang Malaysia panggil seri muka. *Singapore* Puteri Salak. Itu yang susah-susah itu

yang dia nak. Saya akan kena buat sendiri. Itu kenangan saya tidak boleh lupa. Suami memang suruh saya buat semuanya.

MF : Apakah masakan kegemaran Datin?

DER : Saya suka sambal goreng dengan mi rebus. Kalau sambal goreng saya masak dalam satu kualiti besar (menunjuk saiz kualiti dengan kedua-dua tangan beliau). Saya akan *pack every one hour* [bungkus setiap satu jam] saya boleh makan dengan nasi. Nasi semata-mata dengan sambal goreng. Sambal goreng *Singapore* [Singapura]. Yang itu sahaja, tidak perlu yang lain-lain. Saya akan ulang setiap satu jam. Mi rebus – ini dua makanan ini kalau saya masak memang bahaya dan mi siam *Singapore* [Singapura]. Dan saya akan berulang makan sampai kawan saya cakap “Kak Effa masak banyak ini siapa yang nak makan”. Saya cakap saya yang makan (ketawa).

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E – NASIHAT DAN HARAPAN

MF : Sebagai seorang yang telah lama bergelar artis/penyanyi, apakah nasihat yang boleh Datin kongsi kepada generasi muda yang ingin berjinak di dalam industri lakonan dan perfilem?

DER : Menyanyi saya bukan pelakon. Tetapi saya pernah berlakon satu filem '*Penagih Dadah*'. Lama dulu sebelum berkahwin. Okay, nasihat kalau nak jadi penyanyi kena sungguh-sungguh tetapi perjuangan sekarang mencabar. Macam kalau dulu kita jadi penyanyi lagu kita keluar dekat radio peminat kita tahu. Bila DJ main dia kata "oh Uji Rashid, oh Effa Rizan". Antara suara lain-lain dulu-dulu. Walaupun penyanyi kita Dato' DJ Dave contoh. Hail Amir, M Sani lagu mereka keluar orang akan kenal. Tidak payah tengok lagu baru keluar "Oh DJ Dave". Tapi kalau sekarang ini persaingan banyak ramai penyanyi suara seakan-akan. Orang tidak kenal sangat. Betul tidak?

MA : Betul

DER : Cuba tanya ibu-ibu dulu nenek ke. Ibu umur berapa? Mesti muda lagi.

MF : 42.

DER : Tanya nenek (ketawa). Saya dah 60 lebih. Jadi nasihat saya kalau betul-betul minat dalam bidang tidak kisahlah nyanyian, lakonan kena bersungguh-sungguh dan jangan sombong (ketawa). Kena rendah diri, rendah hati.

MF : Bercakap mengenai nasihat, apakah nasihat yang paling Datin ingat ataupun terkesan sepanjang dalam industri ini?

DER : Nasihat?

MF : Nasihat.

DER : Nasihat daripada siapa?

MF : Nasihat daripada orang lain ke? Keluarga ke?

DER : Keluargalah orang lain tidak ada nasihat saya. Selalunya kalau nasihat saya mak ayah saya ataupun komposer, syarikat rakaman saya. Kalau dari mak ayah saya nasihat dia bertalu-talu selalunya nasihat. Biasalah kalau saya nak pergi keluar itu jaga nama, jaga nama keluarga. Itulah nasihat. Kalau ayah itu nasihat dia selalu kalau nak keluar, nak nyanyi “baik-baik betul-betul”. Ayah saya ke bidang itu juga. Kalau komposer dia banyak nasihat yang berguna. Jaga dirilah. Sebab itu kalau dalam saya punya masakan saya guna “jaga diri jaga hati” (ketawa). Kalau kita dapat jaga itu InsyaAllah ramai yang sayang kita. Saya ramai orang sayang saya. Alhamdulillah.

MF : Apakah pendapat Datin tentang keadaan semasa industri tempatan? Industri hiburan tempatan.

DER : Sekarang?

MF : Sekarang.

DER : Parah. Sekarang rasa-rasa kalau macam dulu kita satu album besar *LP* [Long-Playing] dulu-dulu zaman saya rekod

MF : Yang besar

DER : Piring hitam. 10 lagu kita buat tidak ada orang cetak rompak. Sikitlah cetak rompak. Syarikat-syarikat luar tetapi kalau sekarang *you* buat saja adik sudah ambil *free* [percuma] dekat dalam ini. Sedihlah tidak boleh. Kalau nak buat, buat *single* [solo] sahaja satu lagu. Itupun buat orang ambil percuma sahaja. Siapa yang nak beli dekat luar. Dekat dalam itu percuma (menunjuk kepada peranti di hadapan kami). Jadi tertekanlah artis-artis sebenarnya kalau dulu kita royalti daripada duit itu jualan dekat album kita. Saya rasa susah.

MF : Berdasarkan pemerhatian Datin, adakah lagu-lagu tempatan mampu menyaingi lagu-lagu yang bertaraf antarabangsa?

DER : Jauh dik, jangan tanya itu (ketawa). Tidak boleh jawab. Mereka terlampau canggih dari zaman kita dulu sampai sekarang pun masih belum mampu kita lawan. Canggih sangat. Saya tidak mampu nak jawab (ketawa).

MF : Menurut Datin, perubahan yang macam mana perlu dilakukan

terhadap industri nyanyian di tanah air kita?

DER : Perubahan? Itu semua soalan-soalan yang saya tidak boleh jawab. Itu kena tanya Dato' Ramli MS, S Sathar, Dato' Ahmad Nawab, komposer yang muda-muda lagi saya lupa namanya. Itulah saya takut nak jawab (ketawa).

MF : Sedikit ucapan kepada para peminat Datin?

DER : Peminat yang ada. Ada lagi ke?

DER : InsyaAllah ada kakak, makcik-makcik. Yang budak-budak ini tidak adalah. Ucapan?

MF : Ucapan.

DER : Ucapan saya terima kasih banyak-banyak yang masih merindui saya, yang masih mengingati saya sampai sekarang kebetulan lagi saya masuk YouTube masak-masak peminat yang lama-lama semua timbul. Kakak, makcik-makcik tidak ada kerja mereka tengok, mereka bagi sokongan dan selalu mendoakan saya. Saya ucapkan ribuan terima kasih banyak-banyak semoga semua diberi kesihatan, kesejahteraan dengan anak-anak dan yang penting sekali rezeki. Allah bagi kita rezeki.

TAMAT BAHAGIAN E

PENUTUP: [RAKAM SELEPAS TEMUBUAL]

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Fauziah Buang ataupun lebih dikenali sebagai Effa Rizan di sepanjang kerjaya beliau sebagai penyanyi dan artis veteran dalam industri nyanyian di Malaysia. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang nyanyian terutamanya generasi muda yang memasang impian untuk menceburi bidang ini. Harapan kami temubual ini dapat menyuntik semangat dan memberi inspirasi kepada mereka untuk terus mengejar impian mereka dalam bidang ini. Sekian, terima kasih

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	BUTIRAN
4.45 Petang	Latar Belakang Tokoh	<ul style="list-style-type: none">- Nama tokoh Fauziah- Lebih dikenali sebagai Effa @ Effa Rizan- Dilahirkan pada 1958 yang berumur 65 tahun- Berasal dari Singapura- Mendirikan rumah tangga pada tahun 1977 dengan penyanyi warga Malaysia, Allahyarham Dahlan Zainuddin- Anak yang ke-3 dari 9 orang adik-beradik- Ibu Bapa berasal dari Singapura- Mula menceburi bidang nyanyian atas permintaan daripada kawan kakak beliau- Menyertai uji bakat yang merupakan rancangan televisyen bakat-bakat baru di Singapura pada tahun

		<p>1974</p> <ul style="list-style-type: none"> - Lulus uji bakat tersebut dan persembahannya disiarkan penuh dalam rancangan tersebut - Persembahan beliau ditonton oleh Allahyarham Kasim Masdor dan beliau mendapat tawaran daripada penggiat seni yang popular pada ketika itu untuk menjadi artis rakaman - Menirikan rumah tangga seawal usia 19 tahun pada tahun 1977 - Hasil perkahwinan itu, beliau mempunyai 4 orang anak. 2 lelaki dan 2 perempuan - Hobi beliau ialah memasak
4.50 Petang	Sejarah Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> - Bersekolah Rendah di Sekolah Rendah Teluk Belanga, Singapura

		<ul style="list-style-type: none"> - Bersekolah menengah di Sekolah Menengah Sang Nila Utama hingga tingkatan tiga - Pelajar yang biasa ketika zaman persekolahan.
4.51 Petang	Kerjaya Awal	<ul style="list-style-type: none"> - Tokoh tiada kerjaya awal selain menyanyi sejak di bangku persekolahan.
4.52 Petang	Kerjaya Sebagai Penyanyi	<ul style="list-style-type: none"> - Tercetusnya idea menjadi seorang penyanyi melalui permintaan daripada kawan kakak beliau. - Keluarga beliau merupakan keluarga yang berdarah seni. - Ayahnya mempunyai kumpulan muzik. - Keluarga-keluarga pada zaman dahulu tidak memberi galakan kepada anak mereka untuk ceburi bidang seni - Pakcik beliau, S. Shamsuddin juga merupakan seorang pelakon dan pelawak. - Arwah Kasim Masdor dan Yusnor Ef

		<p>merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam menaikkan nama tokoh.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tokoh tiada guru vokal hanya bergantung pada bakat semulajadi beliau. - Tokoh selalu mendengar lagu-lagu beliau untuk menghafal dan menghayati lirik-lirik lagu tersebut. - Lagu 'rasa hati' merupakan lagu paling popular di dalam kerjaya tokoh. - Gaji pertama tokoh ialah sebanyak RM500 - Beliau memberikan sebahagian daripada gaji beliau kepada ibunya dan membelanjakan selebihnya untuk diri beliau, adik-beradik, dan kawan-kawan. - Tokoh bernaung di bawah Syarikat
--	--	--

		<p>Rakaman Senada Records di Singapura.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Lagu '<i>Manis di Bibir</i>' yang paling lama untuk dirakamkan. - Tokoh menyatakan keterujaan beliau selepas nama dikenali ramai. - Tokoh berasa selesa bekerjasama dengan semua penyanyi. - Tan Sri P. Ramlee, Puan Sri Saloma, Kartina Dahari dan Sharifah Aini merupakan penyanyi kegemaran tokoh. - Tokoh mengatakan hasrat ingin berduet dengan Hail Amir jika diberi peluang semasa beliau belum mendirikan rumah tangga. - Beliau berpendapat bahawa menjadi seorang penyanyi amat penting untuk mempunyai prsonaliti yang baik.
5.11 Petang	Bidang Nyanyian	<ul style="list-style-type: none"> - Tokoh juga memberitahu kami

		<p>yang komposer kegemaran beliau iaitu Kasim Masdor dan Alman Mawar.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tokoh juga menyatakan beliau banyak diberikan lagu-lagu yang ber-genre remaja seperti 'Keroncong'. - Beliau berkata beliau berhenti dalam bidang nyanyian apabila bermula berumah tangga dengan pasangan tercinta beliau iaitu Datuk Zahlan Zainudin. - Tokoh turut berkongsi beliau tidak mempunyai apa-apa pantang larang untuk menjadi penyanyi. - Ketika berada di set rakaman, beliau menyatakan bahawa komposer pada zaman tersebut teramatlah cerewet untuk merakam lagu. - Tokoh juga menyatakan kritikan
--	--	---

		<p>dapat membantu kita untuk memperbaiki diri dan sudah menjadi kebiasaan untuk beliau apabila dikritik.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tokoh juga meletakkan syarat bagi pihak penganjur untuk menyediakan tempat tinggal dan pengangkutan untuk melakukan persembahan. - Beliau turut memberitahu kami pihak komposer akan menjaga penyanyi dibawah naungan mereka untuk mengasah bakat dan sebagainya. - Tokoh turut menyatakan beliau hanya membiarkan sahaja khabar angin dari pelbagai pihak.
5.24 Petang	Kerjaya Sebagai YouTuber Masakan	<ul style="list-style-type: none"> - Beliau memulakan aktiviti berkongsi video masakan di Youtube bermula pada tahun 2019

		<p>selepas kematian arwah suaminya.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tokoh diberi cadangan oleh anaknya dan kawan-kawan untuk melakukan video masakan dan menghantar video tersebut ke platform Youtube. - Beliau memberitahu beliau belajar memasak daripada emak menerusi panggilan telefon. - Beliau turut menyatakan bahawa dunia masakan tidak mencabar kerana beliau meminati dalam bidang tersebut dan memberitahu kami beliau pernah memasak beriani dan pelbagai masakan lagi. - Tokoh amat meminati untuk memasak sambal goreng Singapura.
5.30 Petang – 5.38 Petang	Nasihat Dan Harapan	- Beliau memberi

		<p>nasihat kepada semua yang ingin berjinak-jinak dalam bidang nyanyian untuk berusaha bersungguh-sungguh dan jangan berputus asa dan menyebut beberapa tokoh penyanyi terkenal sebagai inspirasi.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tokoh menyatakan bahawa beliau hanya mendapat nasihat daripada ahli keluarga sahaja terutamanya dari ayah beliau. - Beliau juga menyatakan bahawa cetak rompak pada masa kini semakin membarah dan perlukan tindakan pantas untuk membendung kegiatan ini. - Tokoh juga mengatakan bahawa kegiatan cetak rompak memberi kesan untuk artis-artis kerana hasil royalti untuk artis berkurang.
--	--	--

		<ul style="list-style-type: none">- Beliau memberitahu industri muzik di Malaysia tidak mampu untuk menyaingi lagu-lagu yang bertaraf antarabangsa kerana teknologi yang dimiliki oleh mereka sangat canggih dan tidak mampu disaingi oleh artis tempatan.- Tokoh menyatakan ucapan untuk para peminat beliau dan mendoakan kesihatan yang baik untuk para peminat beliau dan juga memberitahu rezeki daripada Allah.
--	--	--

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	TEMPAT	REFLEKSI & TINDAKAN
10 a.m. – 12 p.m.	25 th Mac 2023	Online	Buat Kajian Mengenai Artis-Artis
3 p.m. – 4 p.m.	23 rd April 2023	Website	Pilih artis yang boleh untuk diwawancara
10 a.m. – 10.30 a.m.	25 th April 2023	Platform WhatsApp	Hubungi artis untuk penetapan tarikh untuk wawancara
10.21 a.m. – 10.30 a.m.	11 th Mei 2023	Platform WhatsApp	Hubungi Madam Nurulannisa untuk penetapan tarikh bagi konsultasi soalan wawancara
9.34 a.m. – 10 a.m.	14 th Mei 2023	Platform Google Meet	Konsultasi pertama bersama Madam Nurulannisa mengenai soalan wawancara
12.59 p.m. – 2 p.m.	18 th Mei 2023	Platform Google Classroom	Konsultasi kedua bersama Madam Nurulannisa mengenai pembetulan yang dilakukan ke atas soalan wawancara
11 a.m.	19 th Mei 2023	Platform WhatsApp	Menghantar soalan wawancara kepada artis
4 p.m. – 6 p.m.	27 th Mei 2023	Sunway Putra Mall, Kuala Lumpur	Wawancara artis

SENARAI SOALAN

A. Latar Belakang Tokoh

1. Apakah nama penuh Datin?
2. Apakah nama gelaran Datin dalam industri ini?
3. Bilakah Datin dilahirkan?
4. Datin berasal dari mana?
5. Datin merupakan anak yang ke berapa?
6. Dari manakah ibu dan bapa Datin berasal?
7. Boleh Datin kongsi pengalaman Datin ketika membesar?
8. Siapakah nama suami Datin?
9. Bilakah Datin berkahwin?
10. Berapa orang anak Datin ada?
11. Apakah hobi yang Datin gemar lakukan semasa waktu lapang?

B. Sejarah Pendidikan

12. Boleh Datin kongsi serba sedikit mengenai pengalaman ketika bersekolah di sekolah rendah? Jika Datin masih lagi ingat.
13. Bagaimana pula dengan sekolah menengah? Di mana dan bilakah Datin bersekolah?
14. Selepas tamat persekolahan, adakah Datin menyambung pelajaran ke peringkat universiti atau kolej?
15. Selain daripada itu, adakah Datin ada mengikuti kursus-kursus professional?
16. Berapa lama Datin mengikuti kursus tersebut?
17. Berapakah kos perbelanjaan untuk mengikuti kursus tersebut?
18. Jika tidak keberatan, berapakah subjek yang diajar dalam kursus tersebut?
19. Pada pendapat Datin, apakah faedah kursus tersebut terhadap diri Datin?
20. Boleh Datin kongsi..pelajar yang bagaimanakah Datin ketika zaman belajar?

C. Sejarah Kerjaya

C1. Kerjaya Awal

21. Sebelum Datin menjadi seorang penyanyi, apakah kerjaya yang diceburi oleh Datin selepas tamat persekolahan?

C2. Kerjaya Sebagai Penyanyi

22. Sejak bilakah Datin terlibat dalam industri nyanyian ini?
23. Dari mana tercetusnya idea ataupun peluang untuk Datin bertukar kepada nyanyian?
24. Semasa membuat keputusan untuk menceburi bidang lakonan dan perfileman ini,
25. Adakah Datin membuat keputusan sendiri atau berbincang dengan ahli-ahli keluarga?
26. Bagaimana respon ataupun penerimaan ahli-ahli keluarga Datin mengenai keputusan tersebut?
27. Di sepanjang perubahan kerjaya itu, siapakah yang paling giat membantu dan menyokong Datin untuk terus menceburkan diri dalam bidang ini?
28. Apabila bertukar kerjaya kepada bidang nyanyian ini, siapakah individu yang memainkan peranan yang penting dalam membantu ataupun membawa Datin ke dalam bidang ini?
29. Sebelum menceburkan diri dalam bidang ini, adakah Datin sudah mempunyai ilmu asas dalam nyanyian?
30. Siapakah guru Datin dalam bidang nyanyian ini?
31. Apakah cara Datin dalam memahami dan menghafal lirik lagu?
32. Lagu apakah yang dinyanyikan oleh Datin di awal kerjaya nyanyian?
33. Berapakah gaji pertama Datin sebagai penyanyi?
34. Jika Datin masih ingat, apa yang Datin beli dengan gaji tersebut?
35. Di bawah syarikat rakaman manakah Datin bernaung?
36. Di sepanjang kerjaya Datin, album manakah yang mengambil masa rakaman yang lama?
37. Apakah cabaran yang paling sukar pernah dihadapi oleh Datin sepanjang kerjaya sebagai seorang penyanyi?
38. Dalam kebanyakan album yang pernah Datin terajui, album manakah yang menjadi kegemaran dan kenapa?

39. Pada pendapat Datin, drama manakah yang menaikkan nama Datin dalam dunia nyanyian?
40. Bagaimana perasaan Datin ketika nama dikenali ramai atau dalam kata lain popular?
41. Bagaimana Datin mengatasi perasaan tersebut?
42. Siapakah penyanyi kegemaran Datin?
43. Penyanyi manakah yang Datin paling selesa bekerjasama?
44. Dalam banyak-banyak penyanyi, penyanyi manakah yang Datin ingin berduet bersama jika diberi peluang?
45. Pada pendapat Datin, sebagai seorang penyanyi adakah rupa paras merupakan faktor utama bagi seseorang penyanyi itu diambil bekerja berbanding tahap kemahiran nyanyian?
46. Komposer manakah yang Datin paling suka bekerjasama?
47. Genre manakah yang sukar dinyanyikan oleh Datin?
48. Adakah sukar untuk Datin meluangkan masa bersama keluarga selepas bergelar penyanyi?
49. Apakah perkara paling penting yang Datin pelajari tentang diri Datin melalui kerjaya ini?
50. Pada pendapat Datin, apakah tanggapan yang negatif orang ramai terhadap penyanyi?
51. Apakah cabaran yang paling sukar bagi Datin dalam menjayakan sebuah lagu?
52. Apakah impian Datin sebagai seorang penyanyi?

C3. Bidang Nyanyian

53. Sebagai seorang penyanyi veteran, bolehkah Datin kongsi sedikit tips dalam nyanyian?
54. Dari segi penghayatan lirik, bagaimana cara Datin menghayati nyanyian tersebut?
55. Adakah dengan bernyanyi di hadapan cermin merupakan salah satu teknik dalam meningkatkan kemahiran nyanyian seseorang penyanyi itu?
56. Apakah aspek yang ditekankan oleh seorang komposer dalam nyanyian seseorang penyanyi?
57. Bagaimana Datin kekal bertenaga semasa di studio rakaman?
58. Bagaimanakah Datin mengimbangkan kehidupan peribadi dengan kerjaya sebagai penyanyi?
59. Bagaimanakah Datin menangani kritikan?
60. Apakah cara Datin untuk menolak sesuatu tawaran persembahan tanpa menyinggung hati pihak yang menawarkan?
61. Dalam menerima sesuatu tawaran menyanyi, apakah syarat-syarat yang ditetapkan oleh Datin kepada pihak yang memberi tawaran?
62. Apakah cara atau rutin Datin untuk kekal sihat semasa bekerja berjam-berjam di studio rakaman?
63. Bagaimana Datin mencipta gandingan dan persefahaman antara pihak rakaman?
64. Macam mana Datin mengendalikan tekanan apabila berada jauh dari rumah untuk jangka masa yang lama semasa rakaman?
65. Persediaan bagaimanakah yang Datin lakukan ketika menghadapi uji bakat bagi mendapatkan sesebuah nyanyian?
66. Sebagai seorang penyanyi, apa yang perlu ada di dalam diri untuk terus relevan di mata penonton dan pihak komposer?
67. Bagaimana Datin mengetengahkan idea atau pendapat kepada komposer dalam sesebuah rakaman?
68. Sebagai penyanyi, bagaimana Datin menjaga diri daripada khabar angin yang tidak benar?
69. Bagaimana Datin menjaga hubungan dengan rakan-rakan artis yang lain?
70. Apa perbezaan penyanyi yang hebat dengan penyanyi yang biasa?

71. Dalam menjayakan sesebuah rakaman, adakah keadaan persekitaran yang selesa memainkan peranan yang penting?
72. Sesetengah lagu memerlukan penyanyi melakukan perubahan pada dirinya supaya sepadan dengan genre yang dimainkan. Soalan saya, bagaimana cara Datin memenuhi keperluan tersebut?
73. Pada pendapat Datin, apakah faktor utama yang mempengaruhi prestasi penyanyi ketika di studio rakaman?
74. Di sepanjang kerjaya Datin yang berdekad ini, berapakah anugerah dan pencapaian yang telah Datin perolehi?
75. Apakah anugerah atau pencapaian Datin yang paling diingati?
76. Bagaimana perasaan Datin ketika menerima anugerah tersebut?
77. Pada pendapat Datin, apakah faktor yang menyumbang kepada penerimaan anugerah tersebut.
78. Apakah impak atau kesan kepada kerjaya Datin selepas memenangi anugerah tersebut?
79. Pencapaian manakah yang menyuntik semangat Datin untuk terus bekerja keras dalam industri ini?
80. Apakah anugerah yang belum diperolehi dan menjadi impian Datin sebagai seorang penyanyi?

D. Kerjaya Sebagai Youtuber Masakan

81. Datin sekarang sedang aktif berkongsi video masakan di platform Youtube.
Bilakah Datin mula berjinak dengan aktiviti ini?
82. Apa yang membuatkan Datin ingin berkongsi video di platform tersebut?
83. Siapakah yang menyunting video-video di platform tersebut?
84. Dari siapakah Datin belajar memasak?
85. Bercakap mengenai memasak, masakan manakah yang paling mencabar pernah Datin sediakan?
86. Apakah masakan kegemaran Datin?

E. Nasihat dan Harapan

87. Sebagai seorang yang telah lama bergelar artis/penyanyi, apakah nasihat yang boleh Datin kongsi kepada generasi muda yang ingin berjinak di dalam industri muzik ini?
88. Bercakap mengenai nasihat, apakah nasihat yang paling Datin ingat ataupun terkesan sepanjang dalam industri ini?
89. Apakah legasi yang Datin harap dapat tinggalkan melalui hasil kerja sebagai pelakon?
90. Apakah pendapat Datin tentang keadaan semasa industri hiburan tempatan?
91. Berdasarkan pemerhatian Datin, adakah filem-filem tempatan mampu menyaingi lagu-lagu yang bertaraf antarabangsa?
92. Menurut Datin, perubahan yang macam mana perlu dilakukan terhadap industri perfileman tanah air kita?
93. Apa pandangan Datin mengenai penyanyi-penyanyi baharu dalam industri muzik tempatan?
94. Sedikit nasihat yang Datin boleh berikan kepada mereka?
95. Harapan Datin mengenai industri ini pada masa akan datang?
96. Sedikit ucapan kepada para peminat Datin?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ENR RIZAN K/P:..... pada
29 MAY 2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (nterviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh
Tarikh:

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

LAMPIRAN

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1



Gambar bersama dengan tokoh

INDEKS

INDEKS

A

ada 5, 8, 9, 10, 12, 13, 14, 15, 18, 21, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 31, 32, 33, 34, 36, 39, 40, 41

Alman Mawar 20, 48

B

bakat 2, 3, 7, 13, 14, 15, 25, 31, 32, 43, 44, 46, 49, 58

beliau 3, 37, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52

D

Dahlan Zainuddin 43

datin 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61

Dato' Ahmad Nawab 41

Dato' DJ Dave 38

Dato' Ramli MS 41

E

Effa Rizan 3, 4, 38, 42, 43

H

Hail Amir 19, 20, 38, 47

I

Itu 3, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 39, 40, 41, 44, 55, 56, 57, 58

J

Julie Remie 31

K

Kartina Dahari 19, 47

Kasim Masdor 44, 45, 48

M

Manis Di Bibir 17, 18, 26, 47

Milah Hussain 31

P		U	
pada	2, 3, 4, 5, 6, 8, 10, 14, 15, 16, 17, 19, 20, 21, 22, 27, 33, 35, 36, 43, 44, 45, 46, 48, 49, 51, 55, 57, 59, 61	Uji Rashid	5, 20, 38
penyanyi	2, 3, 4, 5, 6, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 31, 33, 38, 42, 43, 45, 47, 48, 49, 51, 56, 57, 58, 59, 61	Y	
persembahan	3, 7, 15, 16, 19, 22, 23, 27, 29, 44, 49, 58	Yusnor Ef	14, 45
Puan Sri Saloma	19, 47		
R			
Rahimah Rahim	31		
Rohana Jalil	31		
S			
S Sathar	41		
S. Shamsuddin	45,		
Sekolah Menengah Sang Nila Utama	9, 45		
Sekolah Teluk Belanga	9, 44		
Sharifah Aini	19, 47		
Singapura	1, 6, 7, 8, 9, 13, 14, 16, 17, 19, 32, 37, 43, 44, 47, 50,		
show	15, 16, 19, 20, 21, 22, 23, 27, 29, 30		